UTUSAN BORNEO, 21.12.2022 (Pg. 6)

Sistem ART langkah pertama menyahkarbon sektor pengangkutan

Selain itu, ia juga mengurangkan kesesakan trafik di bandar-bandar utama di negeri ini

KUCHING: Usaha Sarawak beralih kepada sistem Transit Aliran Automasi (ART) merupakan langkah pertama ke arah menyahkarbonkan sektor pengangkutan selain mengurangkan kesesakan trafik di bandar-bandar utama di negeri ini.

Timbalan Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar Dr Hazland Abang Hipni berkata, penggunaan ART dijangka dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di Kuching-Sri Aman dan Serian antara enam hingga 12 peratus (anggaran konservatif) apabila sistem itu beroperasi sepenuhnya.

Selain itu katanya, penggunaan bas berkuasa hidrogen, dijangka 15 peratus pelepasan karbon daripada pengangkutan di kawasan Kuching akan dikurangkan menjelang 2030.

"Kelebihan tambahan penggunaan hidrogen sebagai bahan api pengangkutan awam seperti ART dan trak komersial ialah keupayaannya menggunakan jalan dan infrastruktur sedia ada tanpa perlu membangunkan infrastruktur logistik baharu yang mahal.

"Sistem ini sesuai untuk pekan dan bandar yang padat penduduk dan memerlukan kos yang tinggi bagi membina landasan kereta api atau kereta bawah tanah baharu," katanya dalam kenyataan akhbar semalam.



DR HAZLAND

> "Kelebihan tambahan penggunaan hidrogen sebagai bahan api pengangkutan awam seperti ART dan trak komersial ialah keupayaannya menggunakan jalan dan infrastruktur sedia ada tanpa perlu membangunkan infrastruktur logistik baharu yang mahal."
>
> **Dr Hazland Abang Hipni**
> *Timbalan Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar*

Dr Hazland berkata kapal berkuasa hidrogen juga tidak mustahil untuk Sarawak memandangkan kepentingan sungai dan perairan pantai kepada kesejahteraan sosioekonomi rakyat.

Beliau menambah, pada masa sama penggunaan kapal berkuasa hidrogen akan melindungi alam sekitar di sepanjang sungai dan ekosistem hutan, hasilnya ialah air yang dialirkan semula ke sungai atau laut tidak tercemar.

"Dengan ketersediaan tenaga elektrik yang sentiasa bertambah baik di kawasan luar bandar Sarawak, pembangunan dan pemasangan elektroliser setempat (peralatan yang menukarkan air kepada hidrogen dan oksigen menggunakan elektrik), masyarakat luar bandar boleh mencipta sumber bahan api sendiri untuk memasak, mengangkut malah boleh menyimpan hidrogen untuk digunakan sebagai sumber tenaga semasa kecemasan," katanya.

Beliau mengeluarkan kenyataan itu susulan majlis pecah tanah bagi Projek Fasa 1 Sistem Pengangkutan Bandar Kuching (KUTS) Transit Aliran Automasi (ART) Jumaat lalu oleh Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

Projek itu melibatkan reka bentuk, pembinaan dan pentauliahan laluan ART kira-kira 69.9 kilometer.

Perkhidmatan pelanggan bagi ART dijadual diperkenalkan secara berperingkat, mulai suku keempat 2025.

Sementara itu, kenderaan ART berkuasa hidrogen pertama akan tiba di Kuching pada suku ketiga tahun depan (2023), bagi Sarawak Metro melakukan latihan bukti konsep kenderaan itu, yang dijadual pada Julai 2023.

Menurutnya, penggunaan sistem ART yang pertama di dunia menggunakan kuasa hidrogen menunjukkan komitmen Sarawak menyahkarbon dalam sektor pengangkutannya.

Ini ujarnya, bagi mencapai aspirasi Kelestarian Alam Sekitar, Kemakmuran Ekonomi dan Keterangkuman Sosial di bawah Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 (PCDS) 2030.

"Molekul hidrogen tidak mengandungi atom-atom karbon, bermakna pembakarannya hanya menghasilkan air dan tenaga (haba) menjadikan ia molekul sempurna dalam penyahkarbon sektor tenaga dan pengangkutan.

"Cabarannya ialah untuk menghasilkan hidrogen bersih dan meningkatkan akses ke stesen-stesen hidrogen bagi menggantikan bahan api fosil sebagai bahan api utama untuk pengangkutan serta penjanaan tenaga," jelasnya.